

MANFAAT KOKURIKULUM BERKREDIT

» Bantu **tingkat keyakinan diri**,
pelajari kemahiran baharu

Oleh Rosniza Mohd Taha

yoniza@bh.com.my

► Kajang

Pelajar yang dahulunya pemalu, kini berani menyampaikan ucapan di hadapan ratusan pelajar, tidak bermi-

nat dengan aktiviti khidmat masyarakat pula kini aktif melaksanakan pelbagai program khidmat bakti secara sukarela selain menjalin ukhuwah dengan komuniti di merata pelusuk negeri.

Demikian antara perubahan karakter mahupun keterampilan pelajar yang bijak memanfaatkan peluang membangunkan potensi diri menerusi pelbagai aktiviti kokurikulum berkredit (KKB) ditawarkan

di institusi pengajian tinggi (IPT).

Pendedahan diterima menerusi aktiviti itu diharap dapat menggalakkan perkembangan bakat dan kreativiti pelajar, sekali gus menjadikan mereka graduan yang bukan sahaja memiliki pengetahuan yang tinggi, malah keterampilan yang baik serta dapat menyesuaikan diri dengan sebarang persekitaran pekerjaan.

Pelajar perlu **ada keberanian** mencuba perkara baharu

◉ Dari muka 1

Perkara itu diakui pelajar Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Muhammad Afiq Salehuddin, 22, yang mencatat markah KKB tertinggi iaitu 400 mata menerusi pembabitan aktif dalam Kelab Soft Skills, Enhancement & Learning Support (SEALS) sejak pengajian asasi.

Pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal itu berkata, pengalaman empat tahun menerusi aktiviti kelab itu meningkatkan keyakinan diri kerana banyak kemahiran baharu dipelajari termasuk kaedah komunikasi berkesan serta keberanian untuk mencuba perkara baharu.


“Saya menyertai SEALS

kerana membolehkan pelajar mempelajari dan membangunkan KI secara menyeluruh menerusi penganjuran pelbagai acara universiti yang mempunyai cabaran serta pendedahan tersendiri, yang penting perlu ikhlaskan diri untuk belajar.

“Peringkat awal saya hanya diberi peranan kecil seperti membuat poster, promosi dan mendapatkan peserta untuk bengkel peringkat universiti yang dihadiri hanya 20 pelajar sebelum dipertanggungjawabkan mengendali acara skala besar seperti larian amal dan kem kepimpinan yang membabitkan ratusan peserta serta kerjasama dengan penganjur luar,” katanya.

Timbul keberanian

Muhammad Afiq yang turut menyertai Persa-



Muhammad Afiq mencatat rekod SCORUN tertinggi sebanyak 400 markah berbanding purata 40 markah dicapai kebanyakan pelajar di UNITEN.

tuan Jurutera Mekanikal UNITEN (IMECHE) berkata, pendedahan secara berperingkat mengikut kemampuan itu menimbulkan keberanian untuk sentiasa mencuba perkara baharu sehingga tidak lagi menyasarkan meraih markah untuk KKB semata-mata, malah secara sukarela menjadi fasilitator minggu suai kenal pelajar baharu.

Sementara itu, Penolong Pendaftar UNITEN, Muhammad Khalid Abd Rahman, berkata pangkalan data khas, Student Online Reporting System of Uniten (SCORUN) diwu-

judkan bagi merekod prestasi pelajar dalam KKB iaitu markah minimum dua bagi penyertaan dalam aktiviti kelab dan maksimum 10 markah bagi penyertaan dalam aktiviti peringkat antarabangsa atau menjadi pengarah dalam penganjuran aktiviti atau persatuan.

Katanya, transkrip KKB akan diserahkan kepada pelajar apabila tamat pengajian yang memudahkan kecenderungan dan pembabitan pelajar dalam lima kategori iaitu kepimpinan dan intelektual, komunikasi,

kemasyarakatan, seni dan sukan.

“UNITEN mewajibkan pelajar mengumpul markah tertentu bagi aktiviti KKB sebagai syarat bergraduat iaitu 10 markah bagi pelajar asasi, diploma (20) serta 30 hingga 40 markah bagi pelajar ijazah sarjana muda.

Pelajar cemerlang

“Pencapaian Muhammad Afiq mencatat hingga 400 markah sememangnya luar biasa ditambah kecemerlangan purata nilai gred terkumpul 3.79, yang bukan sahaja membolehkan beliau kekal menginap di kolej kediaman dalam kampus, malah layak dicalonkan untuk Anugerah Pelajar Cemerlang dan memberi persepsi yang baik apabila memohon pekerjaan,” katanya.

Sementara itu, pelajar Bachelour Sains Matematik Universiti Putra Malaysia, Ahmad Danial Lokman, 21, berkata penyertaan dalam KKB Bakti Siswa yang diwajibkan untuk semua pelajar menyuntik minat beliau untuk berbakti kepada pelbagai golongan masyarakat.